



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA**

**SEMPENA
AMANAT PENJAWAT AWAM SECARA ATAS TALIAN
JULAI 2021
16 JULAI 2021 (JUMAAT)
9.30 PAGI**

BismillahirRahmanirRahim,

Alhamdulillah Rabbil A'amin, Wassolatuwassalamu A'la
Asyrafil Anbiyai Wal Mursalin, Wa A'la Alihi Wasohbihi Ajmain,
Amma Ba'du,

Allahumma Solli A'la Saidina Muhammad Wa A'la A-li Saidina
Muhammad,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia,
Menggamit Dunia,

**Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Hasim bin Hasan,
Setiausaha Kerajaan Negeri;**

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;

Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri;

**Yang Berusaha Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Agensi
Peringkat Negeri dan Persekutuan;**

**Yang Berbahagia Dato' Seri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Dif-Dif
Kehormat, rakan-rakan media;**

Semua kakitangan, yang tidak dapat saya sebutkan nama mereka satu persatu, itu tidak pernah mengurang dan hilang rasa hormat saya kepada anda semua;

Tuan-tuan dan puan-puan, Para Penjawat Awam Negeri Melaka yang saya kasihi sekalian,

MUKADIMAH

1. Pada 7 Julai yang lalu, seperti saban tahun, Melaka terus gah mencatat nama di peta global, masyhur seantero dunia.
2. Atas itu, belum terlambat rasanya, untuk saya sukacitanya zahirkan, **Selamat Menyambut Ulangtahun Ke-13, Pengisytiharan Melaka Bandaraya Warisan Dunia (UNESCO).**
3. Marilah kita pulihara warisan bersejarah ini, agar menjadi tatapan generasi kini, untuk kita serahkan kepada anak cucu, sebagai pewaris masa depan. **Kepada semua orang Melaka, syabas diucapkan!**

Saudara dan saudari,

4. Hari ini, pada Jumaat di Penghulu hari, kita masih dalam Perintah Kawalan Pergerakan atau PKP 3.0. Pada 15 Jun 2021 lalu pula, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan Pelan Pemulihan Negara, sebagai strategi peralihan untuk keluar secara berfasa dari kemelut pandemik COVID-19 ini.
5. Suka atau tidak, daripada 4 fasa yang diumumkan itu, Negeri Melaka masih lagi dalam fasa pertama. Di antara 3 indikator yang ditetapkan antaranya, kita perlu merekodkan jumlah positif harian COVID-19 di bawah 114 kes, untuk beralih ke fasa kedua.
6. Justeru, saya menyeru kepada semua penjawat awam, supaya terus berdisiplin, mematuhi segala SOP dan mengambil segala langkah, agar kes COVID-19 akan berjaya diturunkan secepat mungkin, untuk Melaka bergerak ke fasa berikutnya. InsyaAllah!

Saudara dan saudari,

7. Hari ini juga, perhimpunan bulanan, diadakan secara atas talian, **setelah 3 bulan 3 hari** kita tidak bersua. Kali terakhir rasanya kita berjumpa, pada majlis **Pencapaian Setahun Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka**.
8. Saya berharap, walau di mana jua anda berada, baik di pejabat mahupun Bekerja Dari Rumah, ucapan saya ini, tetap akan difahami dan dihayati mesejnya.

6 PERKARA MUSTAHAK UNTUK PENJAWAT AWAM MELAKA

Saudara dan saudari,

9. Ada **6 perkara** yang ingin saya sampaikan di perhimpunan bulanan kali ini.

Perkara Pertama: Mendepani Pandemik COVID-19 di Melaka

10. Beberapa hari lalu, heboh diperkatakan tentang Melaka pernah merekodkan bilangan positif COVID-19 harian tertinggi iaitu **835 kes. Kluster kilang telah menjadi pencetus kepada peningkatan mendadak wabak** ini.
11. Jadi, ramai orang bertanya saya, apa tindakan Kerajaan Melaka dalam menangani hal ini?
12. Baiklah. Jawapan saya begini. Kita telah melakukan beberapa tindakan segera antaranya seperti berikut:
13. **Satu:** Kita telah tubuhkan **Jawatankuasa Khas COVID-19 dan Jawatankuasa Pertugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) Melaka, yang bekerjasama dengan CITF Persekutuan** untuk mempercepatkan pemberian vaksin kepada semua lapisan rakyat Melaka, bagi mewujudkan imuniti dalam komuniti.
14. **Dua:** Kerajaan Melaka dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Melaka (JPNIN) serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan melaksanakan **Program Mobilisasi Vaksin Komuniti atau MOVAK**.

15. Program ini merupakan program pemberian vaksin kepada komuniti secara **mobile** atau **outreach (static)**, bagi mempermudah rakyat mendapat vaksin.
16. Sebagai permulaan, antara lokaliti yang dirancang bagi Program MOVAK ini adalah Japerun Kuala Linggi.
17. Pemberian vaksin ini dijalankan dengan menggunakan bas dengan sasaran kapasiti seramai **250 orang** penerima vaksin sehari.
18. **Tiga: Kita mempercepatkan purata penerima vaksin harian Negeri Melaka, dengan membuka lebih banyak Pusat Pemberian Vaksin (PPV), daripada sebanyak 38 buah yang diumumkan pada 18 Jun lalu,...**
19. kepada jumlah terkini, yang dicampur dengan **15 PPV Awam, 3 PPV hospital awam (SPPV), 46 PPVGP, 4 PPV Hospital Swasta, 1 PPV swasta iaitu Encore dan 3 PPV Industri (Texas Instruments, Infineon serta Bayou Lagoon)** menjadikan **kesemuanya berjumlah 72 buah.**
20. Bak kata pepatah Inggeris, **prevention is better than cure.** Lalunya, bagi mengekang peningkatan kluster kilang, melalui kerjasama dengan industri, **kita akan buka, 2 lagi PPV Industri, yang akan memfokus kepada Kawasan Perindustrian Cheng dan Krubong serta Kawasan Perindustrian Alor Gajah pada awal bulan Ogos** nanti.
21. Bahkan, melalui **Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS), dengan kolaborasi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA),** kita mensasarkan untuk men-vaksin kira-kira **160,000 hingga 180,000** golongan pekerja industri pembuatan di Melaka.
22. Selain itu, Kerajaan Negeri Melaka telah memohon pertimbangan agar **MITI memperluaskan program PIKAS ini ke sektor lain seperti pembinaan, hotel dan perladangan,** bagi mempercepatkan proses imunisasi kepada semua warga pekerja industri di Melaka.

23. **Empat:** Dengan pertambahan kesemua PPV ini, **kapasiti suntikan sehari, dijangka akan melonjak, daripada 7,800 orang sehari pada 18 Jun lalu, kepada kini seramai 14,660 orang sehari.**
24. Saya yakin dengan tindakan pantas mempercepatkan proses vaksinasi kepada rakyat ini, InsyaAllah dalam beberapa bulan lagi, matlamat **imuniti kelompok 80 peratus atau *herd immunity* dapat kita capai seawal mungkin.**
25. **Lima:** Bagi memperhebatkan lagi usaha untuk rakyat mendapat vaksin, **Kerajaan Negeri Melaka dengan kerjasama NGO,** telah memilih 4 buah masjid di negeri ini, untuk dijadikan pusat vaksinasi, yang dijangka akan dapat **menampung sekurang-kurangnya 14 ribu lagi penerima vaksin.**
26. **Enam:** Saya sendiri sudah bercakap dengan YB Menteri Kesihatan, agar ditambah dan disegerakan pemberian vaksin kepada semua rakyat, supaya Melaka menjadi antara negeri terawal mencapai *herd immunity* atau imuniti kelompok 80 peratus.
27. **Tujuh,** saya telah memohon kepada pihak MOSTI, Alhamdulillah, akhirnya, YB Khairy Jamaluddin sendiri telah bersetuju untuk memberikan tambahan sebanyak **368,000 dos vaksin kepada Negeri Melaka pada bulan Julai ini juga.**
28. **Tindakan kelapan** pula, berbalik kepada kluster kilang tadi, Kerajaan Negeri Melaka telah mengambil langkah tegas dan berani, dengan mengguna pakai **Akta 342** iaitu **Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988,** secara pentadbirannya, kita mengarahkan, supaya syarikat **kilang-kilang yang mempunyai kes positif COVID-19 di Melaka menghentikan sementara operasinya selama 14 hari.**
29. Malah, tidak keterlaluan untuk saya katakan bahawa, kita di Melaka menjadi negeri pertama yang mengambil tindakan tegas sedemikian mengikut akta tersebut.

30. Sampaikan ***'ada seorang pemimpin dari negeri yang 'itu lah', tuan-tuan boleh semak sendiri, turut menyokong tindakan kita dan menegur Kerajaan negerinya kenapa tidak mengambil tindakan serupa seperti Kerajaan Melaka.'***
31. Buktinya, setakat ini, kita telah arahkan **penutupan sementara secara pentadbiran, kepada 28 buah kilang yang beroperasi di Negeri Melaka, yang mana pekerja mereka didapati positif COVID-19.**
32. Selain itu, **saya juga telah mengarahkan agar kilang-kilang tersebut melakukan ujian saringan bersasar secara besar-besaran atau *mass-screening* kepada pekerja mereka, atas tanggungan majikan, kemudian, pastikan dulu warga pekerjanya bebas dan selamat daripada wabak COVID-19, sebelum kita benarkan mereka beroperasi semula.**
33. Sebenarnya, banyak lagi tindakan mengekang penularan COVID-19 ini, yang akan kita buat dan maklumkan kepada semua, dari semasa ke semasa.
34. Jadinya, saya pinta kepada semua penjawat awam khususnya, agar dapat menghebah dan menyebarkan kepada orang ramai tentang segala tindakan yang telah kita laksanakan sebelum ini.
35. Lantaran itu juga, saya menyeru semua pihak, sama ada sektor awam, swasta, badan bukan kerajaan, hatta orang perseorangan, termasuk para penjawat awam, supaya kita sama-sama bertekad, berganding bahu, seiya sekata, mengawal penularan wabak ini, dengan *hashtag*, ***#MelakaMestiMenangCOVID19.***

Saudara dan saudari,

Perkara Kedua: Mempercepatkan Bantuan Pakej Rangsangan Ekonomi Melakaku Maju Jaya 2021: SEJAHTERA BERSAMA kepada rakyat.

36. Kita tahu sebilangan rakyat Melaka sekarang ini sedang dihimpit kesusahan hidup. Sebab itu, **perkara kedua**, saya mahukan semua penjawat awam **dapat mempercepatkan khidmat dan penyampaian Pakej Rangsangan Ekonomi Melakaku Maju Jaya 2021: SEJAHTERA BERSAMA**, agar segera disampaikan kepada rakyat hingga ke akar umbi.
37. Dengan **60 inisiatif berjumlah RM174.53 juta** itu, telah menjadikan Negeri Melaka **antara negeri tertinggi di Malaysia, dalam pemberian pakej bantuan kepada rakyatnya**.
38. Pakej Rangsangan yang berteraskan *people economy* atau ekonomi untuk keperluan dan kepentingan rakyat serta *capital economy*, yang pemberiannya melibatkan semua golongan rakyat khususnya B40, saya dimaklumkan contohnya;
- Melalui bantuan MAIM, sebanyak **8 daripada 13 inisiatif tersebut** telah kita agih-agihkan kepada rakyat yang memerlukan, dengan jumlah keseluruhan mencecah RM3.3 juta;
 - Bagi Dana Kasih Niaga, bantuan disediakan kepada peniaga kecil sebanyak RM1,000. Daripada **781 permohonan yang diterima**, sebanyak **450 pemohon telah diluluskan**. Untuk **301 permohonan yang tidak lengkap** pula, saya sarankan, **dilengkapkan dengan segera**, supaya dapat diangkat semula untuk diluluskan selanjutnya.
 - Bagi bantuan melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), sebanyak **14 inisiatif telah dilaksanakan**, contohnya **Pengurangan 50 Peratus Caj Lesen Penjaja dan Peniaga Kecil serta lain-lain inisiatif**, dengan implikasi kewangan bernilai sekitar **RM5.63 juta**.

39. Sungguhpun, saya menerima banyak respon positif di media sosial tentang pakej ini, namun terdapat juga segelintir komen, yang menegur aspek penyampaian bantuan, antaranya netizen seperti **Encik Rosli, Bro. Mael, Isma dan Encik Fong**, mengatakan bahawa, ***ada agensi yang bila dihubungi banyak kali, tetapi tidak menjawab panggilannya, ada yang datang ke pejabat agensi, tetapi tutup dan ada juga yang susah untuk dapatkan bantuan ini kerana karenah biokrasi.***
40. Lantaran itu, saya pinta kepada semua agensi dan penjawat awam di Melaka agar, **tolong beri perhatian, ambil serius akan hal-hal pelaksanaan sebegini.**
41. Selepas ini, saya tak mahu lagi, dengar rungutan-rungutan sebegini. Dalam waktu sekarang ini, **semampu boleh, kita tolong semua orang yang meminta bantuan.**

Saudara dan saudari,

Perkara Ketiga: Memperkasakan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan Awam

42. Di waktu PKP 3.0 ini perkhidmatan awam perlu diperkasakan.
43. Arahan BDR atau Bekerja Dari Rumah, tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak memberikan kualiti perkhidmatan terbaik. BDR bukan mengurangkan kualiti, bahkan cabaran lebih menambah mutu penyampaian perkhidmatan.
44. Perlu diingat, kemudahan BDR dalam Pekeliling Perkhidmatan perlu digunakan secara terkawal. BDR tidak boleh disalahgunakan. Mereka yang tidak mematuhi peraturan, boleh dikenakan tindakan tegas.
45. Kepada mereka yang bekerja di pejabat pula, perlu lebih komited dengan tugas. Pastikan mematuhi segala SOP Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

46. Peri penting, **gunakanlah pancaindera dan deria kita** supaya lebih peka dengan apa yang berlaku di sekeliling. Contohnya, jika rakyat perlukan perkhidmatan, kita cepat-cepat bantu dan permudahkan.
47. Dalam situasi sekarang, jika ada yang susah, lekas-lekas kita bantu atau laporkan kepada pihak berkenaan atau Kerajaan Negeri, supaya mereka boleh ditolong dengan segera.
48. Di waktu PKP ini, kita perlu lebih mengamalkan **tonggak 5K penjawat awam** yang pernah saya sebutkan tahun lalu iaitu, perhebatkan **Komunikasi** dan **Kolaborasi** serta **Koordinasi** sesama kita, tidak bergerak secara *in silo* atau dalam lohong masing-masing, supaya **Kompetensi** meningkat dan **Kongsi Matlamat Bersama**, dalam memberikan penyampaian dan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, terutama di kala waktu-waktu sukar begini, yang mana rakyat perlukan lebih bantuan serta pertolongan.
49. Misalnya, dalam kejadian banjir kilat yang berlaku di beberapa kawasan di Negeri Melaka baru-baru ini, saya berharap agar, kita dapat **mempertingkatkan lagi koordinasi dan penyelarasan dalam kalangan sesama agensi yang terlibat**, supaya pengurusan sebegini menjadi lebih efisien, terutama ketika menangani serta berlakunya kejadian-kejadian serupa pada masa akan datang.

Saudara dan saudari,

Perkara Keempat: Mendigitalisasi dalam Norma Baharu

50. Suka atau tidak, kini, di waktu COVID-19 masih berleluasa, mendigitalisasi dalam norma baharu menjadi lebih penting, supaya segala urusan rakyat dipermudahkan.
51. Contohnya, urusan pembayaran cukai dan bil utiliti, tidak dihadkan di kaunter pejabat kerajaan sahaja. Malah kini, boleh diakses secara atas talian melalui *e-Bayar*, yang menyediakan 38 perkhidmatan atas talian kepada pelanggan, tanpa perlu hadir ke pejabat kerajaan.

52. Kerajaan Negeri terus berinovasi melalui platform *Melaka Pay* yang boleh diakses melalui telefon pintar untuk 22 jenis perkhidmatan, dengan hanya *one-click*.
53. Bagi mengekang penularan COVID-19, penggunaan aplikasi seperti **Webex** dan **Google Meeting**, merupakan medium interaksi utama dalam pelaksanaan mesyuarat rasmi kerajaan.
54. Kerajaan Negeri akan terus melihat peluang pembangunan perkhidmatan secara atas talian yang lebih efisien dan mesra pelanggan, misalnya, melalui pembangunan Melaka Digital Command Centre, bagi memudahkan akses kepada data yang berbentuk *real time information*.

Saudara dan saudari,

Perkara Kelima adalah Membudayakan INTEGRITI

55. Dalam budaya kerja norma baharu, aspek integriti tidak boleh dikompromi. Para penjawat awam perlu mematuhi segala peraturan yang ditetapkan, dalam mengendalikan dokumen rasmi kerajaan, khususnya berkaitan kerahsiaan dokumen.
56. Lazimnya, pematuhan aspek integriti dipantau melalui Unit Integriti, Jabatan Ketua Menteri Melaka. Pelaksanaan naziran pematuhan dibuat secara berkala di setiap Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri.
57. Sememangnya, Kerajaan Negeri serius dalam memastikan aspek integriti menjadi keutamaan dalam setiap proses dan urusan Kerajaan Negeri.
58. dengan pelantikan Pegawai Integriti di setiap Jabatan dan Agensi Kerajaan dan pegawai ini diberikan latihan khusus di bawah Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO), yang bertindak untuk menasihati, menegur dan menambahbaik Jabatan/Agensi, atas ketidakakuran kepada peraturan.

Saudara dan saudari,

Perkara Keenam: Menghargai *frontliners* dan Benteng Negara

59. Saya pinta, semua penjawat awam di Melaka menjadi ‘tangan kanan’ dan ‘tangan kiri’ saya serta benteng Kerajaan, dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar dan efisien penyampaiannya kepada rakyat.
60. Selanjutnya, para penjawat awam boleh menggunakan platform media sosial, untuk membantu kerajaan untuk memberi penerangan tentang dasar dan usaha-usaha Kerajaan menangani wabak berbahaya ini, selain menangkis tuduhan-tuduhan tidak berasas, yang disebarkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.
61. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan **penghargaan kepada semua penjawat awam Negeri Melaka, atas pemotongan elaun Imbuan Tetap Keraian (ITK) dan Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA).**
62. Inisiatif ini melibatkan **1,707 orang penjawat awam Negeri, PBT dan Badan Berkanun Negeri dari Gred 29 ke atas, yang jumlah keseluruhan sumbangan bagi tempoh Julai 2021 sehingga September 2021 adalah RM78 ribu.**

Tahniah saya ucapkan!

63. Selain itu, saya dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka (MMKN) juga, turut memotong 10 peratus gaji kami dari Januari sehingga Disember 2021, sebanyak **RM102 ribu.**
64. Kesemua pemotongan elaun dan gaji tersebut akan disalurkan ke **Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Bencana Negeri Melaka**, bagi membantu rakyat Melaka yang terkesan akibat wabak COVID-19.
65. Di sudut ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua *frontliners* Negeri Melaka, khususnya dalam berjuang melawan COVID-19 ini.
66. Saya merasai keperitan dan tugas berat anda. Di kala kes COVID-19 masih tinggi, tuan-tuan dan puan-puan semua terdedah dengan risiko jangkitan dan terpaksa bertungkus lumus, membantu pesakit yang dijangkiti.

67. Saya diberitahu, setakat 7 Julai 2021, **seramai 223 orang petugas kesihatan telah dijangkiti COVID-19 iaitu 2.7 peratus daripada keseluruhan 8,280 frontliners.**
68. Walaupun tiada rekod kematian petugas kesihatan dicatatkan setakat ini, namun kita tetap mengambil langkah berhati-hati dan Alhamdulillah mengikut laporan yang saya terima, semua *frontliners* di Negeri Melaka telah selesai divaksinkan.
69. Saya percaya, setiap keringat dan bakti yang tuan-tuan dan puan-puan curahkan, pasti akan dikurniakan ganjaran setimpal daripada yang Maha Esa.
70. **Syabas kepada semua *frontliners* Negeri Melaka!**

PENUTUP

Para Penjawat Awam, saudara dan saudari yang dikasihi sekalian,

71. **Jelasnya, dalam menempuh cabaran dan hari-hari sukar ini, kita mesti senafas dengan kesusahan rakyat. Kita mesti peka dan rasai derita serta denyut nadi mereka. Kita bantu walau di mana jua mereka berada, di kampung, perbatasan nan terpencil, di bandar dan di kota, hatta di seluruh pelusuk desa. Pastikan tiada seorang rakyat pun yang susah, tergelincir daripada mendapat bantuan.**
72. **InsyaAllah, usaha telah kita lakukan, sudah ada pula pelan pemulihan.**
73. **Saya sandarkan tanggungjawab dan amanah ini kepada semua, agar kita pikul dan hadapi cabaran ini bersama.**
74. **Ya Allah satukanlah hati-hati kami. Berilah kami kemenangan.**

75. Kepada umat Islam, yang akan **menyambut Idul Adha beberapa hari lagi, saya ucapkan, Selamat Menjalani Ibadah Korban.**

76. Akhir kalam, **kepada Tuhan kita mohon pertolongan, kepadaNya jua dikembalikan segala urusan. Wa Ilal-lahi Tur-jau'l Umur. Aamiin Allahumma Aamiin!**

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.